

Kontrak sosial terbukti berjaya

Oleh AZLINARIAH ABDULLAH
(WARTAWAN UTUSAN)

PADA Perhimpunan Agung UMNO Ke-57 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempamerkan ketegasannya apabila menyatakan tindakan undang-undang akan diambil terhadap pihak yang masih mempertikaikan tentang kontrak sosial.

Beliau sememangnya mempunyai asas untuk memberi nada sebegitu terhadap segelintir pihak yang masih tidak habis-habis mempersoalkan hal berkenaan, yang telah pun termaktub di dalam Perlembagaan itu dan sewajarnya tidak perlu diperkatakan lagi.

Kepada pihak-pihak berkenaan, Perdana Menteri mahu mesej itu diterima dengan jelas. Bahawa tindakan cuba mempertikaikan kontrak sosial pada akhirnya boleh menjejaskan kestabilan dan kemakmuran negara.

"Jika perjanjian ini dirombak atau cuba dipertikaikan secara berterusan, kita sebenarnya menghadapi risiko menjejaskan kestabilan dan keharmonian. Kita tidak boleh membenarkan ini berlaku. Akibatnya ialah malapetaka," tegas Abdullah semasa menyampaikan ucapan dasar Presiden.

Kalau pihak-pihak berkenaan (yang mempersoalkan kontrak sosial) masih belum dapat membaca mesej terang lagi jelas Perdana Menteri itu, ada baiknya mereka menyelusuri kepentingan sejarah berhubung hal berkenaan.

Kontrak sosial ialah sebuah perjanjian yang panjang yang terdiri di dalamnya Suruhanjaya Reid dan Perlembagaan tetapi inti patinya menjurus tentang hak keistimewaan orang-orang Melayu.

Dan seperkara yang perlu diingatkan ialah ia telah wujud sebelum merdeka lagi.

Justeru, ini sebenarnya bukan satu un-

sur yang boleh dikompromi atau dicabar oleh bangsa-bangsa lain di negara ini.

"Dalam usaha kerajaan membentuk satu masyarakat Malaysia yang bertamadun dan maju, satu topik yang sentiasa dibincangkan malah dipertikaikan oleh rakyat Malaysia yang bukan keturunan Melayu ialah perkara hak keistimewaan orang-orang Melayu atau *Malay Special Privilege*.

"Mereka ini berhujah bahawa kewujudan hak keistimewaan Melayu ini menjejaskan pembentukan negara Malaysia yang saksama dan adil berteraskan konsep meritokrasi," kata pakar sejarah, Profesor Datuk Dr. Ramlah Adam ketika diminta mengulas mengenai kontroversi tidak pernah habis kontrak sosial.

Dr. Ramlah seterusnya berkata, tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan hak keistimewaan Melayu ini bertujuan mempertingkatkan kedudukan orang Melayu di negara ini, yang boleh sahaja dianggap tidak begitu berjaya berbanding kaum lain.

Di samping itu, ada pihak-pihak tertentu yang sudah berani mempertikaikan hak keistimewaan Melayu ini atas sebab kononnya negara kita sudah dewasa dan hak ini tidak perlu dikekalkan.

Dalam soal ini, kata beliau, ada kemungkinan di antara mereka ini yang kurang jelas dalam fahaman mereka tentang kedudukan hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera di negeri Borneo seperti mana diperuntukkan dalam Fasal 153 Perlembagaan Persekutuan.

Kewujudan dan kedudukan hak keistimewaan orang Melayu telah lama diakui dan diiktiraf.

"Dalam laporan yang disediakan oleh Federation of Malaya, Constitutional Commission 1956 - 1957 yang dikenali sebagai Reid Commission (Suruhanjaya Reid), hak keistimewaan orang Melayu telah diakui dan diiktiraf sebagai hak asasi (*fundamen-*

tal right) sebelum merdeka."

Tafsirannya ialah bukan sahaja kandungan mengenai hak keistimewaan orang Melayu itu tetapi Suruhanjaya Reid juga adalah untuk melindungi hak keistimewaan orang Melayu itu sendiri.

Dengan kata lain, hak tersebut telah wujud sebelum suruhanjaya ditubuhkan dan suruhanjaya ini ditugaskan untuk memastikan bahawa hak ini dipelihara dan dilindungi.

Ini juga bererti bahawa hak ini tidak timbul atau wujud ekoran satu kontrak sosial yang dikaitkan dengan persetujuan yang dibuat semasa Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 atau ekoran daripada kompromi dengan kaum-kaum yang bukan Melayu.

Dalam pada itu, peguam Zainur Zakaria dalam kertas kerja yang dibentangkan semasa Kongres Kepentingan Bangsa sebelum ini pula menyebut bahawa semua pihak yang terlibat dalam usaha menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menjelang merdeka sedar, akui dan mengiktiraf kewujudan hak ini dan perlunya ia dipelihara dan dilindungi dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Hak ini menjadi satu daripada asas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka, dan kekal sehingga hari ini sebagai satu hak asasi yang dijamin oleh Perlembagaan. Hak ini tidak timbul dari satu kontrak sosial, tidak seharusnya dan seterusnya diertikan sebagai hak yang wujud ekoran daripada satu persefahaman atau perjanjian semasa negara kita ini berusaha mencapai kemerdekaan," ujar beliau.

Sememangnya amat jelas (seperti terangnya amaran Perdana Menteri) bahawa kontrak sosial tidak wajar dipertikaikan lagi.

Ini kerana mempertikaikan kontrak sosial bermakna menentang Perlembagaan Persekutuan.

Mudah kata, menentang apa yang ter-

maktub di dalam Perlembagaan Persekutuan pula bererti membidas sejarah.

Dengan adanya amaran Perdana Menteri itu, kita berharap selepas ini tiada lagi suara-suara yang masih ingin membangkitkan perkara berkenaan.

Bukan sekali dua amaran dikeluarkan supaya ia tidak diperdebatkan lagi. Di medan Perhimpunan Agung UMNO juga, Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Seri Hishammuddin Hussein sebelum ini memberi amaran dan mengingatkan kaumkaum lain agar tidak lagi membangkitkan mengenai kontrak sosial. Tetapi selepas itu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Lim Keng Yaik mencetuskan polemik apabila mendakwa formula kontrak sosial itu membuatkan masyarakat Cina dan India merasa kecil liati.

Keng Yaik pada masa itu berkata, perubahan paradigma diperlukan memandangkan perkongsian kuasa sekarang tidak berasaskan kepada perkongsian sebenar.

Mengenai jika benar dakwaan kaumkaum lain terpinggir kerana formula kontrak sosial Dr. Ramlah memberi hujah mudah sebegini:

"Gerakan tidak akan berpeluang menajui kerajaan negeri Pulau Pinang sekiranya UMNO dan orang Melayu melupakan formula kontrak sosial antara kaum."

Tegas beliau, sikap toleransi UMNO terhadap kaum lain selama ini membuka peluang terlalu lama kepada Gerakan meletakkan pemimpinnya sebagai Ketua Menteri di negeri berkenaan.

Selebihnya kata beliau, pelantikan beberapa pemimpin parti itu dalam Kabinet Kerajaan Persekutuan turut dipengaruhi oleh sikap UMNO dan orang Melayu yang menghormati semangat setiakawan dalam Barisan Nasional (BN).

"Bukan mahu mengungkit tetapi kontrak sosial jangan hanya dilihat dari sudut sosial dan ekonomi semata-mata, tetapi juga dari segi pemilikan kuasa dan politik."